

TALKING POINT

**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN
NAIB CANSOLOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

**SEMPENA MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH
KECEMERLANGAN PENYELIDIKAN DAN ANUGERAH
KECEMERLANGAN SUKAN 2010**

**PADA 7 APRIL 2010
Di DEWAN KEIKHLASAN TINGKAT 10**

Bismillahirrahmanirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu
Malaysia

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib
Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP

Yang Berbahagia Prof. Dr. Sazali Yaacob, Timbalan Naib Canselor
(Akademik dan Antarabangsa) UniMAP

Pegawai-pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Barisan penerima anugerah,

Seterunya kakitangan Universiti Malaysia Perlis yang saya dikasihi
sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

Good Evening, Wan Shang Hao, Maalai Vanakam, Ma Sa An Khair, Ra Thri Sawat.

1. Alhamdulillah, terlebih dahulu, marilah kita sama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadhrat Allah SWT kerana memberikan kita kesempatan untuk bersama-sama pada petang yang indah ini bagi meraikan warga kerja UniMAP yang cemerlang dalam bidang masing-masing.
2. Majlis ini merupakan susulan kepada penganjuran Anugerah Seri Gemilang 2009 yang kita laksanakan dengan jayanya pada 12 Mac lalu namun disebabkan kekangan masa dan bilangan penerima anugerah yang semakin bertambah, maka perlu untuk kita mewujudkan fasa kedua penerima anugerah.
3. Sesungguhnya kejayaan dan pencapaian terbaik semua yang hadir pada petang ini amat saya hargai.

Datang berjamu membawa cawan...

Hendak dijemput ke rumah belalang..

Terapkan ilmu juga pengetahuan...

Melahirkan individu pekerja cemerlang..

Ladies and Gentlemen,

4. I am very pleased to be here today, both to have the opportunity to congratulate and to present these significant awards of Anugerah Seri Gemilang 2009 to our outstanding researchers. And let me begin by saying to all of you “Congratulations on a job well done!”

5. These achievements are not possible overnight. Whether viewed individually or collectively, these achievements give us a glimpse of what we can accomplish in the future. Your remarkable progress, both nationally and internationally, deserves recognition and appreciation. This in turn hopefully encourages others to continually improve their research and innovation expertise. Therefore, continue to work smart and future successes are sure to follow.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Hujung minggu lalu iaitu pada hari Ahad, kita telah menerima kunjungan daripada Timbalan Menteri Sains Teknologi dan Inovasi, YB Tuan Haji Fadillah Yusoff buat kali pertamanya ke UniMAP dan Perlis.
7. Alhamdulillah, kesudian beliau hadir ke majlis Perasmian Penutup Pameran ENVEX 2010 yang dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sangat kita hargai. Secara tidak langsung, ini membuktikan komitmen beliau sebagai mewakili Kementerian MOSTI yang merupakan Mentor kepada UniMAP.
8. Saya tertarik dengan isu yang diperkatakan oleh YB Timbalan Menteri mengenai produk reka cipta dan inovasi yang dihasilkan oleh rakyat negara ini tidak seharusnya menjadi bahan kajian semata-mata sebaliknya perlu dipatenkan dan dikomersilkan.
9. Setiap produk itu sepatutnya dikomersilkan demi kepentingan sejagat dan perlu dipatenkan sebelum berada di pasaran. Untuk itu, YB Fadillah berkata, kerajaan telah menawarkan pelbagai insentif kewangan bagi penghasilan reka cipta.

10. Saya difahamkan, RM500 akan diberikan kepada penyelidik yang mengutarakan idea yang mana idea ini perlu dipersetujui oleh panel penilai. Selepas ianya dipersetujui, ia akan dibawa untuk proses “filing” yang mana pada tahap ini, penyelidik tadi akan menerima tambahan RM5,000 dan apabila ia memasuki fasa terakhir kelulusan sebelum dipatenkan, penyelidik akan menerima insentif bernilai RM10,000 pula.

11. Tidakkah insentif yang ditawarkan ini sangat tinggi ? UniMAP seharusnya mengambil peluang dan inisiatif untuk meraih ganjaran-ganjaran yang ditawarkan oleh kerajaan. Kita mempunyai jaringan pensyarah-penyelidik yang hebat dan mampu mengutarakan idea-idea yang bernas dan ia dibuktikan lagi melalui kejayaan kita di pameran-pameran penyelidikan tempatan dan antarabangsa.

Hadirin dan hadirat sekalian,

12. Inilah sebenarnya yang saya tekankan dalam ucaptama tahunan yang lalu : “Menyangga Agenda Inovasi”. Isu ini amat penting, maka kita sebagai Institusi Pengajian Tinggi wajar segera tampil ke hadapan untuk menjuarainya. Universiti sebagai gedung ilmu seharusnya memberikan reaksi pantas untuk meningkatkan tahap keupayaan dan daya saing negara pada masa hadapan.

13. Saya juga telah menggariskan langkah yang boleh kita lakukan antaranya :
- a. Menyuburkan perolehan geran swasta, kerajaan atau antarabangsa.
 - b. Memantapkan hubungan dengan universiti-universiti yang menjurus ke arah inovasi dan pengkomersialan.
 - c. Menyuburkan budaya inra-preneurship atau intra-usahawan dikalangan staf akademik khususnya generasi muda.
 - d. Menjajarkan budaya universiti dengan budaya niaga.
 - e. Membudayakan inovasi di kalangan penduduk setempat.
 - f. Dan menggalakkan penyertaan dalam pertandingan inovasi dalaman dan luaran yang melibatkan mahasiswa dan staf di semua peringkat.
14. Kesemua ini TELAH dan PERLU kita teruskan dari semasa ke semasa. Sebagai contoh, kita telah menjalinkan hubungan yang cukup erat dengan pihak sekolah untuk membudayakan proses inovasi di Negeri Perlis. Dan dalam pertemuan dengan YB Fadillah juga, beliau menyarankan agar UniMAP bukan sahaja menumpukan di peringkat Perlis, sebaliknya menjadi PELOPOR untuk membudayakan inovasi di peringkat Zon Utara.

15. Jika Timbalan Menteri boleh meluahkan kata-kata sebegitu, secara tidak langsung membuktikan kepercayaan beliau terhadap kita serta keyakinan tinggi beliau yang kita mampu melakukannya.
16. Maka atas sebab itulah, saya mengharapkan kerjasama dan sokongan daripada anda semua – pensyarah dan penyelidik untuk kita seiring bersama dalam mencapai matlamat dan sasaran yang telah kita tetapkan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

17. Dikesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan tahniah kepada pasukan-pasukan yang menerima anugerah kecemerlangan sukan petang ini. Semoga dengan ganjaran dan inisiatif yang diberikan ini akan menyemarakkan lagi semangat anda untuk kita lebih gemilang di pentas SUKUM pertengahan Jun ini.
18. Akhir kata, saya sudahi dengan kata-kata dari William J. Siegel:

"Manusia tidak merancang untuk gagal, tetapi mereka gagal untuk merancang."

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima Kasih.